

08 AUG 1996

SIEMENS BERMINAT MENYERTAI PROJEK KERETA API MERENTASI ASIA

KUALA LUMPUR, 8 Ogos (Bernama) -- Seorang pegawai kanan kumpulan syarikat Siemens dari Jerman berkata syarikat berkenaan berminat untuk menyertai projek kereta api merentasi Asia meliputi jarak 498 kilometer yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kami sudah mengkaji projek yang dijangka menelan belanja berbilion ringgit itu bagi menghubungkan Singapura dan Kunming di Selatan China," kata Christian Urbanke, pengarah urusan Siemens Electrical Engineering Sdn Bhd di sini hari ini.

Hubungan kereta api yang dicadangkan oleh Malaysia itu adalah sebahagian daripada Program Pembangunan Wilayah Kecil Lembangan Mekong, sebuah projek Asean yang dipersetujui perlaksanaannya pada Sidang Kemuncak Asean Kelima di Bangkok Disember lalu.

Projek yang dianggarkan bernilai RM2.25 bilion itu akan dibiayai oleh Bank Pembangunan Asia, Bank Dunia, Jepun dan Kesatuan Eropah. -- BERNAMA  
JSM DIN/sia